

SIARAN MEDIA

JUALAN MADANI KUSKOP BAYAN LEPAS TAWAR DISKAUN SEHINGGA 30 PERATUS MANFAATKAN 2,000 PENDUDUK

BAYAN LEPAS, 14 JUN- Kira-kira 2,000 penduduk sekitar Bayan Lepas dijangka mendapat manfaat daripada Program Jualan MADANI KUSKOP (JMK) 2026 yang berlangsung di Masjid Ridwaniah, Sungai Batu hari ini, menerusi penawaran barangan keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran, di samping akses kepada kemudahan pembiayaan usahawan dan pelbagai perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi YB Encik Steven Sim Chee Keong berkata, program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini merupakan lokasi keempat penganjuran JMK di Pulau Pinang dan menjadi sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan MADANI untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup, memperkukuh ekosistem keusahawanan serta mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada komuniti setempat.

Majlis perasmian dan gimik jualan “Happy Hour” telah disempurnakan oleh Menteri KUSKOP YB Steven Sim bersama ADUN Bayan Lepas merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB Dato’ Azrul Mahathir Bin Aziz. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara KUSKOP dan Pusat Khidmat ADUN Bayan Lepas bagi memastikan manfaat Ekonomi MADANI terus dirasai oleh rakyat di peringkat akar umbi.

JMK kali ini menawarkan lebih 80 jenis barangan runcit dan barangan basah keluaran koperasi serta usahawan tempatan dengan potongan harga sehingga 20 peratus. Bagi memberikan penjimatan yang lebih besar kepada pengguna, sesi “Happy Hour” turut diadakan pada jam 11.30 pagi dengan tawaran diskaun sehingga 30 peratus bagi barangan terpilih.

Antara tawaran utama yang mendapat perhatian pengunjung adalah berikut:

BIL	NAMA	HARGA PASARAN	DISKAUN 20%	DISKAUN 30%
1	DAGING	RM 34.00	RM 27.00	RM 24.00
2	AYAM	RM 14.00	RM 11.00	RM 10.00
3	IKAN TEMENUNG	RM 17.00	RM 13.50	RM 12.00
4	UDANG	RM 39.00	RM 31.00	RM 27.50
5	KETAM BUNGA	RM33.00	RM 26.00	RM 23.50

Langkah proaktif ini bukan sahaja membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah menerusi penawaran barangan keperluan asas pada harga yang jauh lebih rendah daripada pasaran, malah bertindak sebagai pemangkin ekonomi bagi usahawan kecil dan koperasi tempatan untuk memasarkan produk secara terus kepada pelanggan. Di samping itu, program ini turut meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan gerakan koperasi dalam menyediakan barangan keperluan pada harga berpatutan, khususnya kepada golongan sasaran.

Selain daripada aktiviti jualan, program ini bertindak sebagai pusat sehenti (*one-stop centre*) yang memudahkan urusan rakyat dan komuniti usahawan menerusi penyediaan 12 kaunter perkhidmatan agensi kerajaan di bawah satu bumbung, iaitu:

- Khidmat Nasihat dan Pembiayaan: Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional, SME Corp. Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
- Kaunter Khidmat Pelanggan: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Zakat Pulau Pinang, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Sehingga Disember 2025, DUN Bayan Lepas merekodkan sebanyak 51 koperasi dengan keanggotaan seramai 21,221 orang, syer dan yuran berjumlah RM32.07 juta, aset bernilai RM465.1 juta serta perolehan sebanyak RM81.69 juta. Pencapaian ini mencerminkan peranan penting gerakan koperasi sebagai pemacu aktiviti ekonomi setempat, selain menyumbang kepada penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan kesejahteraan komuniti.

JMK merupakan manifestasi berterusan KUSKOP dalam memacu Ekonomi MADANI. Usaha ini terus diperkukuh melalui pendekatan ABCD iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran. KUSKOP akan terus memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian perniagaan tempatan bergerak seiring dalam menghadapi landskap ekonomi global yang mencabar.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

14 JUN 2026